

03 NOV 2003

KELAB SENATOR HARGAI JASA TUN DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Kelab Senator Malaysia (KSM) hari ini mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad atas jasa-jasa beliau selama 22 tahun memimpin negara.

Presidennya Senator Datuk Nor Azah Awin dalam satu kenyataan berkata Dr Mahathir telah membawa negara ke satu tahap yang sukar ditandingi.

"Malaysia sekarang terkenal di seluruh dunia sebagai satu negara yang aman, damai, maju dan progresif kerana beliau," katanya.

KSM juga menyambut baik pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri yang kelima.

"Sejak menjadi Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1999, beliau telahpun menunjukkan mutu kepimpinan yang cemerlang dan luar biasa. Beliau mempunyai kekuatan tersendiri sebagai seorang pemimpin yang disayangi, disenangi dan disanjung tinggi oleh seluruh lapisan masyarakat," katanya.

Nor Azah berkata KSM yakin Abdullah bukan saja akan meneruskan dasar-dasar yang moden, progresif dan maju tetapi juga akan membuka banyak lagi ruang untuk Malaysia mencapai taraf negara maju seperti dalam matlamat Wawasan 2020.

"Kami berikrar akan menyumbangkan tenaga dan masa yang tidak terhingga kami demi memperkuat peranan kami sebagai anggota Dewan Negara di bawah pucuk pimpinan yang amat berhormat Abdullah," katanya.

-- BERNAMA

NM NM PR